

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
SERI PERDANA, PUTRAJAYA
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT TAHUNAN BAKTI KE-24
18 JULAI 2001**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke-hadrat Ilahi kerana atas limpah kurnia-Nya sahaja, dapat kita berkumpul di sini sekali lagi, untuk menjalankan tanggungjawab kita kepada BAKTI. Inilah Mesyuarat Tahunan BAKTI yang ke-24, sejak tahun 1977 dan dengan berkat Allah S.W.T., insya-Allah, kita akan meraikan Jubli Perak BAKTI pada tahun 2002.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran saudari-saudari yang saya hormati, khasnya tetamu kehormat kita, YBhg Datuk Seri Ainum, Peguam Negara, yang sudi menerima jemputan BAKTI untuk merasmikan Mesyuarat Tahunan BAKTI tahun ini, sungguhpun kita tahu bukan mudah atau biasa, jemputan diberi kepada seseorang yang berjawatan tinggi di Jabatan Perhakiman, kerana kesibukan tugas mereka dan perasaan segan dan hormat yang perlu kita beri kepada mereka.

3. BAKTI berasa bertuah serta berbangga kerana peluang keemasan telah pun tiba dengan perlantikan seorang lagi wanita ke jawatan yang tertinggi dan penting dalam Jabatan Peguaman. Bagi pihak seluruh ahli-ahli BAKTI dan wanita di negara ini, termasuk saya sendiri, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg Datuk Seri Ainum Mohd Saaid atas perlantikan beliau sebagai Peguam Negara - "Attorney-General"- yang julung kali dilakukan oleh Kerajaan negara kita - satu lagi pengiktirafan bagi kaum wanita.

4. Tahniah juga atas penganugerahan Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.) oleh Sultan Perak baru-baru ini yang membawa gelaran "Dato Seri".

5. Negara yang tercinta ini amatlah bertuah. Alhamdulillah, wanita kita telah sedikit demi sedikit menunjukkan kebolehan dan kemantapan mereka bersaing dengan lelaki dan membuktikan wanita juga 'boleh' dan akan sama-sama boleh bersedia untuk merentasi segala cabaran dalam perjalanan ke arah 2020. Ini adalah matlamat semua rakyat dalam negara dan dengan kerjasama dan kerja kuat rakyat jelata, kita akan capai sasaran kita pada tahun 2020, insya-Allah.

6. Dalam tempoh 24 tahun BAKTI menjalankan aktiviti-aktiviti dan khidmatnya kepada masyarakat, BAKTI tidak pernah undur daripada amanah dan tanggungjawabnya membuat kebajikan khasnya. Ahli-ahli bertukar ganti sesudahnya setiap pilihanraya seperti biasa. Yang ketara ialah ahli-ahli yang bersara dengan sebab-sebab yang tertentu, memohon semula menjadi Ahli-ahli Bersekutu. Ini adalah trend yang sihat dan yang digalakkan kerana dengan sedemikian, perpaduan

dan kemesraan terus terjalin antara isteri-isteri. Kekuatan BAKTI memerlukan ahli-ahli yang cergas, ingin berbakti dan rela mengambil bahagian dalam aktiviti-aktivitinya.

7. BAKTI sedang menguruskan dua projek yang terbesar:

- i. Menyediakan Kompleks Penyayang BAKTI untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di Sungai Buluh. Projek ini telah berjalan hampir 2 tahun sebagai usaha 3 segi, yakni Kerajaan (JKM), NGO (BAKTI) dan pihak Swasta. 2 minggu lalu, BAKTI telah serahkan kunci Bangunan-bangunan Kompleks ini kepada pihak JKM untuk terus ambilalih pengurusan Kompleks. Sebagai suatu Kompleks untuk kanak-kanak, ibu tunggal dan warga tua, adalah diharap bahawa sumbangan BAKTI ini akan mendatangkan faedah kepada penghuni-penghuninya supaya hidup selesa secara berkeluarga yang penyayang.
- ii. Pembinaan Pusat Komuniti BAKTI di Bukit Kiara, yang telah sahaja mula perbincangan oleh Jawatankuasa Khas baginya. Pusat Komuniti ini lebih luas tugas dan khidmatnya kepada masyarakat, kanak-kanak, remaja dan dewasa. Kerana projek Pusat Komuniti inilah, BAKTI akan adakan Majlis Malam Amal pada 27 Julai 2001 untuk mengutip derma bagi menampung peruntukan besar projek ini.

8. Selain kebajikan kepada masyarakat, BAKTI sedang sibuk dengan persediaan bagi Kejohanan Badminton Piala Perdana 2001 di mana BAKTI adalah tuan rumahnya pada 31 Julai hingga 5 Ogos ini. Ini adalah yang ke-16 kali Kejohanan Badminton diwujudkan oleh BAKTI sejak tahun 1985. 12 Kontinjen dari negeri-negeri akan bertanding merebut Piala Perdana sumbangan YAB Perdana Menteri sendiri. Terdiri daripada isteri-isteri pemimpin negara dan negeri, kejohanan tahunan ini adalah satu acara yang menggalakkan isteri-isteri bermesra antara satu sama lain melalui sukan badminton. Adalah impian BAKTI kali ini merebut semula Piala Perdana ini dari BAKISA dari Sabah, insya-Allah.

9. Itulah secara ringkasnya aktiviti-aktiviti penting BAKTI bagi tahun 2000/2001 dan seterusnya. BAKTI amat berbangga boleh berbuat demikian dengan seberapa kemampuan tenaga BAKTI sendiri. Kami berasa terhormat manakala YBhg. Datuk Seri Ainum sudi menerima jemputan BAKTI merasmikan Mesyuarat Tahunan BAKTI tahun ini. Ringanlah rasa penat lelah kami.

10. Kalau dipandang wajah beliau dalam majlis-majlis, tidak siapa akan sangka seorang wanita ini berjawatan Peguam Negara Malaysia! Siapa akan meramal anak perempuan Pak Mohd Saaid yang lahir di Ipoh, Perak dan bersekolah di sana berimpian tinggi! Melihat "scholastic" dan akademik "achievements" beliau, barulah ternyata bibit-bibit dan kemungkinan seorang Peguam.

11. Beliau telah lulus dengan cemerlang dari Universiti Singapura dengan ijazah L.L.B. dan dari Universitat Vrije di Brussels, Belgium dengan ijazah Masters - L.L.M.

12. Dari 1970, mulalah beliau bertugas dalam Jabatan-Jabatan Penghakiman bermula sebagai Majistret di Ipoh selama 2 tahun sebelum berpindah ke "Attorney-General's Chambers" sebagai "Federal Counsel and Senior Federal Counsel in the Advisory Division".

13. Beliau di lantik Solicitor kepada Kementerian Kewangan mulai 1983 sehingga 1989 dan kemudiannya sebagai Timbalan Ketua, Bahagian Penasihat dan Antarabangsa (Attorney-General's Chambers) mulai 1989 - 1990.

14. Pada 1990 - 1991 beliau berkhidmat secara "secondment" kepada "Private Sector Development Group, Legal Department, World Bank". Selepas itu beliau kembali semula ke "Attorney-General's Chambers" sebagai Ketua, Advisory and International Division mulai 1991 - 1994. Seterusnya Datuk Seri Ainum memegang jawatan Ketua, "Criminal Division" di "Attorney-General's Chambers" dari 1994 - 1995.

15. Mulai 1995 hingga 1996 beliau berkhidmat sebagai "Parliamentary Draftsman" di "Attorney-General's Chambers" sehingga beliau bersara secara "optional". Beliau mula berkhidmat dengan "Securities Commission" sebagai "Director, Market Supervision Division" pada 1996 selama 4 bulan.

16. Datuk Seri Ainum seterusnya berkhidmat dengan MUI Group mulai 1996 sehingga 1999 sebagai "Executive Director", Pengkalan Holdings Berhad dan Pengkalan Capital Berhad; dan "Executive Director" dan "Chief Operating Officer, Metrojaya Berhad. Selepas itu, Datuk Seri Ainum memasuki semula "Securities Commission" sebagai "Deputy Chief executive", iaitu dari 1999 sehingga 2000. Semasa disitulah beliau di lantik Attorney-General, Jabatan Peguam Negara sehingga sekarang.

17. Datuk Seri Ainum menerima beberapa "Awards" termasuk Darjah Dato Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.) pada 2001, Dato Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) pada 1999. Beliau di anugerahkan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) dan Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 1985.

18. Itulah gambaran yang didapati. Tidak hairanlah jika beliau dilantik memegang suatu jawatan yang bertanggungjawab berat dalam Undang-Undang dan Peguaman. Pada dahulunya, tidak kita mimpi akan jawatan itu diberi kepada seorang wanita. Tidak pun kita kenal siapa Ainum bt. Mohd. Saaid. Alhamdulillah! Kini, kita kenal beliau.

Sekecil-kecilnya negara kita
Sedalam-dalamnya air di laut
Terdapat juga seorang wanita
Sebagai emas berbatu zamrud

19. Bagi pihak BAKTI dan diri saya sendiri, saya mengucapkan tahniah sekali lagi di atas pencapaian YBhg Datuk Seri Ainum sebagai seorang wanita berhemah tinggi dan berkebolehan. You have made us extremely proud, to the extent of being the envy of certain neighbours, and we are very honoured by your accepting our invitation to officiate our AGM this afternoon.

20. Kami berdoa, semoga Allah S.W.T. akan sentiasa mencucuri rahmat bahagia, taufik dan hidayah-Nya kepada YBhg Datuk Seri, supaya tugas-tugas dan tanggungjawab yang dipikul, akan menjadi ringan, sempurna dan berjaya, insya-Allah.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.